

Manfaatkan cuti sekolah ‘meriahkan’ perpustakaan

Mohd Badrul Hisham Basro,
Penolong
Pustakawan,
Perpustakaan
Sultan Abdul
Samad, UPM

Cuti sekolah bakal menjelma tidak lama lagi, pastinya ia dinantikan pelajar sebagai masa untuk berehat, bersantai dan melakukan aktiviti bersama keluarga.

Namun dalam keseronokan itu, tidak salah jika masa cuti diisi dengan kegiatan bermanfaat antaranya mengunjungi perpustakaan. Perpustakaan hari ini bukan lagi tempat sunyi dipenuhi rak buku semata-mata.

Banyak perpustakaan sudah berubah menjadi pusat ilmu moden dengan pelbagai bahan bacaan, kemudahan digital, ruang selesa serta aktiviti menarik untuk pelajar.

Sepanjang cuti sekolah, perpustakaan biasanya menganjurkan pelbagai program ilmiah seperti sesi bercerita, bengkel seni, pertandingan bakat kecil dan aktiviti membaca untuk kanak-kanak dan remaja.

Menghabiskan masa di perpustakaan juga membantu memupuk minat membaca sejak kecil. Budaya membaca ini sangat penting kerana ia meningkatkan kreativiti, menajamkan pemikiran dan membantu pelajar memahami sesuatu dengan lebih baik.

 Perpustakaan turut menyediakan persekitaran selamat dan bebas daripada gangguan gajet. Dalam keadaan sekarang yang mana penggunaan telefon pintar dan tablet menjadi kebiasaan, perpustakaan menjadi alternatif sihat untuk mengimbangi masa skrin 

Malah, ramai pelajar rajin membaca selalunya lebih yakin dan menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik.

Persekitaran selamat, bebas gajet

Perpustakaan turut menyediakan persekitaran selamat dan bebas daripada gangguan gajet. Dalam keadaan sekarang yang mana penggunaan telefon pintar dan tablet menjadi kebiasaan, perpustakaan menjadi alternatif sihat untuk mengimbangi masa skrin.

Suasannya yang tenang memudahkan pelajar menumpukan perhatian sama ada membaca, menulis atau menyiapkan tugas.

Secara keseluruhannya, mengunjungi perpustakaan sepanjang cuti sekolah bukan sahaja menyeronokkan, malah memberi nilai tambah kepada perkembangan pelajar.

Ibu bapa disarankan menjadikan perpustakaan sebagai destinasi pilihan keluarga. Dengan pelbagai kemudahan dan program yang ditawarkan, tidak mustahil cuti sekolah kali ini akan menjadi lebih bermakna, penuh ilmu dan lebih menyeronokkan.